

Kemenangan BN Manifestasi Kepercayaan Berterusan Rakyat Terhadap Usaha Kerajaan - TPM
Bernama
24 Julai, 2013

KUALA BESUT, 24 Julai (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut merupakan manifestasi sokongan dan kepercayaan berterusan rakyat terhadap segala usaha yang dirancang dan dilaksana kerajaan BN.

Timbalan Perdana Menteri berkata kemenangan itu menjadi lebih menarik apabila BN menerusi calonnya Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman menang di semua lapan pusat daerah mengundi, termasuk di Kampung Nangka dan Bukit Puteri yang dikuasai PAS pada pilihan raya umum yang lepas.

Beliau berkata walaupun peratusan keluar mengundi adalah rendah tetapi pendekatan 'man-to-man marking' yang dilaksanakan sepanjang kempen memberi impak begitu positif dalam jumlah undi yang diraih.

"Walaupun kempen kita lebih tertumpu pada waktu malam melalui majlis berbuka puasa, tarawih dan moreh tetapi sentuhan berhemah tanpa menyerang peribadi lawan itu nyata memberi impak kepada pengundi.

"Selain itu, inisiatif yang diambil dalam menyelesaikan hampir semua masalah penduduk juga memberi kesan yang mendalam kepada keyakinan pengundi terhadap calon dan kerajaan BN," katanya pada sidang media selepas pengumuman keputusan pilihan raya itu di dewan Majlis Daerah Besut di Jerneh pada Rabu.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965956>